

Surat khabar: Berita Harian
Hari/Tarikh: 15/11/2016
Muka surat: 13

Tajuk : Sarawak rancang lebih banyak IPT

Sarawak rancang lebih banyak IPT

→ Pastikan ramai anak tempatan berpeluang sambung pengajian

Oleh Norsyazwani Nasri
bhnews@bh.com.my

► Kota Samarahan

Kerajaan negeri merancang untuk mewujudkan lebih banyak institusi pengajian tinggi (IPT) di Sarawak khususnya di kawasan yang sedang membangun seperti di Mukah dan Beaufort.

Yang di-Pertua Negeri, Tun Abdul Taib Mahmud, berkata, langkah itu akan memastikan lebih ramai

anak tempatan mениkmati kemudahan untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi.

Canselor Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) itu berkata, sebelum kewujudan UNIMAS lebih 20 tahun lalu, ramai anak tempatan tidak meneruskan pelajaran ke peringkat tinggi walaupun mereka layak, kerana tidak banyak tempat untuk melanjutkan pelajaran.

Beri penekanan serius

"Kerajaan negeri sentiasa memberi



Abdul Taib menyampaikan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah kepada Tan Sri Alfred Jabu Numpang pada majlis Konvokesyen UNIMAS Ke-20 di Kota Samarahan, semalam.

Fakta nombor

32,454
GRADUAN

UNIMAS sejak 1997

penekanan serius kepada aspek pembangunan pendidikan dengan semakin banyak institusi pengajian tinggi awam dan swasta dibangunkan, malah kita juga berjaya membawa beberapa universiti terkemuka dari luar negara untuk membuka cawangan mereka di negeri ini.

"Sejak penubuhan UNIMAS, kita melihat bagaimana pendidikan tinggi mula dibudayakan dan saya percaya, satu cara untuk mengeluarkan masyarakat daripada kemiskinan ialah menerusi pendi-

dikan dan sebab itulah kita perlu mewujudkan lebih banyak universiti," katanya ketika berucap pada majlis Konvokesyen Ke-20 UNIMAS, di sini, semalam.

Abdul Taib berkata, universiti di Sarawak perlu meneliti semula penstrukturkan kurikulum dan bersedia menawarkan lebih banyak kursus berorientasikan teknikal yang mampu menyediakan tenaga kerja dalam pelbagai bidang di Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak (SCORE).